

---

## SERONOK MEMBACA MELALUI KAEDAH *LITERATURE CIRCLE*

---

Noraishah Anwar

Nurazimah Mazelan

Sharifah Hafsa Mohamed Hanif

Siti Nuratika Abdullah

Zainuddin Mohamad

Sekolah Rendah Woodland

### **Abstrak**

Mengajar murid membaca, menulis dan berfikir secara kritis menjadi suatu cabaran pada zaman ini. Pengajaran bahasa Melayu menggunakan Buku Besar dan buku kecil adalah pada peringkat Darjah 1 dan Darjah 2. Namun, apabila masuk ke peringkat Darjah 3 dan seterusnya, pengajaran yang digunakan di peringkat yang sebelumnya tidak dipraktikkan lagi. Maka, minat murid untuk membaca dalam bahasa Melayu semakin berkurangan dan lantas, menjelaskan pemahaman mereka. Untuk mengatasi masalah ini dan terus membina minat murid membaca dengan menikmati pembacaan serta memahami apa yang dibaca, konsep *Literature Circle* telah dipilih sebagai kaedah yang dapat merangsang murid terhadap bahan bacaan. Dengan menggunakan konsep *Literature Circle* dan bahan-bahan sastera kanak-kanak, minat membaca murid dapat dirangsang dan daya respons mereka terhadap bahan bacaan ditingkatkan. Di samping itu guru dapat menggalakkan murid mengadakan perbincangan yang membuka minda, dan memupuk minat membaca terutama membaca buku-buku bahasa Melayu dan pada masa yang sama, membina penguasaan kosa kata mereka dalam Bahasa Melayu.

## **Pengenalan**

Membaca merupakan satu proses kognitif yang kompleks, melibatkan menyahkod simbol, dengan usaha untuk membina atau memperoleh maksud. Membaca adalah satu cara pemerolehan bahasa, komunikasi, dan berkongsi maklumat dan idea. Seperti semua bahasa, membaca adalah interaksi kompleks di antara teks dengan pembaca yang dibentuk oleh pengetahuan sedia ada, pengalaman pembaca, sikap, dan bahasa masyarakat, yang di dalamnya terkandung budaya dan sosial. Proses membaca memerlukan amalan yang berterusan, pembangunan dan peningkatan.

Pembaca menggunakan pelbagai strategi membaca untuk membantu memahami teks yang dibaca. Pembaca boleh menggunakan morfem, semantik, sintaksis dan konteks petunjuk atau *contextual clues* untuk mengenal pasti makna perkataan yang tidak diketahui. Pembaca menghubungkaitkan perkataan yang telah mereka baca dengan pengetahuan sedia ada atau skema, iaitu penyusunan pengetahuan atau pemikiran dan struktur mental.

Kajian ini menggunakan konsep *Literature Circle* (LC) yang digunakan di dalam kelas dengan pembacaan karya-karya sastera kanak-kanak tertentu seperti cerita rakyat dan sebagainya untuk meningkatkan kemahiran murid-murid membaca.

## **Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. mencari kaedah yang menarik minat murid untuk membaca;
2. menggalakkan murid memberi respons akan teks yang dibaca; dan

3. meningkatkan pemahaman mereka terhadap bahan bacaan.

## **Permasalahan Kajian**

Setelah meneliti beberapa tahun keputusan murid di dalam Bahasa Melayu dan menganalisis item-item dalam kertas-kertas peperiksaan, didapati pencapaian murid bagi komponen kefahaman, golongan kata dan melengkapkan frasa agak kurang baik. Apabila diteliti lagi akan punca kurang kemantapan komponen-komponen ini, didapati bahawa murid agak lemah dalam penguasaan kosa kata Bahasa Melayu. Murid tidak memahami makna perkataan yang terdapat dalam teks. Kurang pemahaman ini berlaku kerana murid tidak didedahkan kepada bahan bacaan dalam Bahasa Melayu secara meluas. Selain itu keupayaan murid-murid terbatas apabila berinteraksi kerana penggunaan kosa kata yang terhad.

Penguasaan kosa kata yang baik datangnya melalui pembacaan dan banyak berinteraksi menggunakan bahasa. Murid-murid ini didapati kurang membaca lantas menyebabkan mereka kurang mantap dalam penguasaan kosa kata Bahasa Melayu.

## **Kajian Lepas**

Merujuk kepada Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (2008), penekanan kemahiran membaca bagi peringkat Darjah 1 dan 2 lebih kepada menyebut perkataan dengan betul dan meneliti ejaan sesebuah perkataan dengan betul. Fokus pembacaan di dalam peringkat Darjah 3 hingga ke Darjah 4, lebih kepada tumpuan memberikan respons yang bersesuaian terhadap teks. Dengan menggunakan kaedah LC, kami yakin ini dapat membantu murid mencapai tahap kemahiran membaca ini.

Harvey Daniel (1994) mula mengenalkan LC sebagai kumpulan kecil murid-murid yang mengadakan perbincangan mengenai teks sastera yang sama dipilih. Menurut Brown (2002) pula, LC ini dipercayai dapat menyediakan pembelajaran berpusatkan pelajar, pembelajaran bersifat komunikatif, interaktif dan suasana pembelajaran bekerjasama.

Brown (2002) telah menjalankan kajian untuk menentukan keberkesanan LC dalam memperbaiki pemahaman pembacaan. Beliau membuat pemerhatian terhadap dua kumpulan pelajar. Kumpulan pertama merupakan kumpulan terkawal yang mengikuti pembelajaran bahasa yang tradisional secara latih tubi. Kumpulan kedua merupakan kumpulan eksperimental yang mengikuti pembelajaran dengan kaedah LC. Kajian mendapati bahawa murid yang menjalani LC mempunyai peningkatan dalam kemahiran pemahaman dan literasi. Kemahiran literasi itu merangkumi pembacaan, penulisan dan pemikiran kritis terhadap sesuatu perkara.

## **Kaedah Kajian**

Kami mengkaji teknik-teknik yang digunakan di dalam LC yang dapat merangsang pembacaan dan daya respons melalui carian di ruang internet dan buku-buku. Setelah meneliti kesemua bahan-bahan yang dicari, kami amat tertarik dengan teknik visualisasi di dalam pembacaan dan bagaimana teknik ini digunakan di dalam LC melalui peranan sebaga ‘illustrator’.

Murid dikehendaki membaca sebuah teks dan kemudian membayangkan babak di dalam cerita dan melukiskan bayangan tersebut. Kemudian, murid memberikan respons terhadap teks dengan bertanyakan soalan akan perkara-perkara yang dibaca, berkongsi pengajaran yang didapati daripada cerita, perasaan mereka terhadap teks yang dibaca dan perkataan-perkataan yang sukar difahami oleh mereka.

## Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Darjah 3. Terdapat tiga kelas Darjah 3 yang menjadi subjek kajian ini. Sebuah kelas akan bertindak sebagai kumpulan terkawal manakala dua kelas lagi bertindak sebagai kumpulan eksperimen menggunakan LC.

Jumlah murid dalam kelas kumpulan terkawal adalah 38 murid dan mereka merupakan murid-murid berkemahiran sederhana. Manakala, kelas-kelas yang akan mengikuti LC adalah kelas berkemahiran tinggi, iaitu 36 murid dan kelas berkemahiran rendah, iaitu 22 murid. Kelas ini kemudiannya dibahagikan kepada dua kumpulan setiap kelas. Setiap kumpulan, ada seorang guru yang berperanan sebagai fasilitator.

Kelas-kelas yang menjalani pelajaran LC dipantau untuk melihat keberkesanan kaedah ini dalam mencapai tujuan kajian. Pelajaran yang menggunakan LC ini lebih kepada pembelajaran yang berpusatkan pelajar.

Kelas yang bertindak sebagai kumpulan terkawal pula akan melalui kaedah yang tradisional, iaitu guru memberi teks petikan untuk dibaca dan kemudiannya, guru menerangkan isi dan menggariskan idea-idea tertentu di dalam teks. Kelas ini melalui pembelajaran yang lebih berpusatkan kepada guru.

## Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif dalam pengumpulan data. Guru memperoleh data melalui kaji selidik terhadap minat bacaan pelajar, praujian dan pascaujian berbentuk MCQ, yang menguji pemahaman terhadap bahan bacaan. Dapatan kajian dikukuhkan lagi dengan penilaian anekdotal yang dilakukan guru semasa pelajaran dijalankan.

Sebelum melalui praujian, murid melengkapkan borang tinjauan untuk mengenal pasti sikap murid terhadap membaca. Praujian pemahaman membaca akan dijalankan sebelum mengikuti pelajaran LC untuk melihat sejauh mana pemahaman mereka terhadap bahan bacaan. Praujian ini berbentuk teks dan murid dikehendaki menjawab soalan-soalan MCQ berdasarkan teks petikan yang dibaca. Pascaujian akan dijalankan mengikut format yang sama dengan praujian yang dijalankan.

### Prosedur Kajian

Sebelum menjalankan pelajaran menggunakan kaedah LC, guru menjalankan kaji selidik mengenai sikap murid terhadap membaca. Kaji selidik ini dilakukan dengan menggunakan borang tinjauan. Pada keesokan harinya, murid dikehendaki membuat praujian pemahaman, iaitu menjawab soalan MCQ berdasarkan teks yang dibaca. Tujuan ujian ini adalah untuk melihat sejauh mana murid faham akan teks yang dibaca. Soalan-soalan ini merupakan soalan yang berbentuk mudah dan isi jawapan ada di dalam teks. Daripada praujian ini, guru membuat penilaian sejauh mana murid peka terhadap isi yang dibaca mereka. Pelajaran LC bermula sehari selepas praujian.

Pada hari pertama, sebuah teks petikan diberikan kepada murid. Teks tersebut berbentuk cerita pendek. Murid diberi masa sehari untuk membaca. Perbincangan akan dilakukan terhadap teks tersebut. Hari kedua, murid berpecah mengikut kumpulan masing-masing. Dalam setiap kumpulan, guru akan memberi peranan yang tertentu kepada beberapa murid. Peranan tersebut ialah sebagai peringkas iaitu murid yang meringkaskan cerita, sebagai penyoal iaitu murid yang akan bertanya soalan, sebagai ilustrator iaitu murid yang melukiskan babak penting berdasarkan cerita dan sebagai ‘word wizard’, iaitu murid yang akan mencari makna kepada perkataan-perkataan yang sukar difahami. Kemudian murid-murid akan

berbincang mengenai isu-isu yang timbul di dalam cerita, melalui soalan-soalan yang dikemukakan oleh penyoal.

LC ini dilakukan selama sebulan dan kemudian, diikuti dengan pascaujian pemahaman yang berformat sama seperti praujian dijalankan untuk melihat sama ada terdapat peningkatan dalam pemahaman membaca murid.

## Dapatan Kajian

Melalui kaji selidik yang dilakukan, kebanyakan murid bersikap positif terhadap membaca. Ini amat memberangsangkan kerana andaian boleh dibuat bahawa murid akan lebih bersifat terbuka dengan pembelajaran yang akan dilakukan.

Jadual 1: Borang Kaji Selidik


No.	Perkara	☺	☺ ☺	☺ ☺ ☺
1.	Membaca ialah hobi saya.	13%	37%	50%
2.	Membaca dapat merehatkan minda saya daripada kerja sekolah.	13%	22%	65%
3.	Susah untuk saya duduk dan membaca.	58%	22%	20%
4.	Saya suka membaca pada waktu lapang.	13%	37%	50%
5.	Saya gembira dapat habis membaca sebuah buku.	11%	14%	75%
6.	Bermain internet lebih menarik daripada membaca.	33%	34%	33%
7.	Saya hanya membaca apabila Cikgu suruh.	36%	25%	39%
8.	Saya selalu ke perpustakaan untuk mencari buku cerita.	14%	46%	40%
9.	Membaca dapat membuat saya pandai berfikir.	7%	15%	78%
10.	Saya lebih suka bermain internet daripada membaca.	38%	33%	29%

\*Jumlah murid: 94 orang


Dapatan ini juga menunjukkan 86% murid suka ke perpustakaan untuk meminjam buku cerita. Dapatan ini menunjukkan murid mempunyai minat membaca. Selain itu, terdapat dapatan yang memberangsangkan iaitu sebanyak 87% murid suka membaca masa lapang. Dapatan ini telah dapat membantu guru memahami minat membaca murid dan pada waktu yang sama membantu guru untuk merancang pembelajaran yang lebih berkesan.

Di bawah ini adalah graf yang menunjukkan keputusan praujian dan pascaujian.

Rajah 1: Praujian



Rajah 2: Pascaujian



- C1 dan C3 merupakan kelas yang menjalani LC.
- C2 merupakan kumpulan terkawal.
- C1 berkemahiran tinggi
- C3 berkemahiran rendah
- C2 berkemahiran sederhana


Daripada kedua-dua graf ini, merujuk kepada murid-murid yang mendapat 8 markah, Kumpulan C1 mempunyai peningkatan sedikit manakala Kumpulan C3 menampakkan peningkatan yang agak banyak. Melalui latih tubi, Kumpulan C2, iaitu yang berkemahiran sederhana, menunjukkan peningkatan yang banyak melepas kumpulan berkemahiran tinggi, iaitu Kumpulan C1.

Merujuk kepada 4 markah hingga 7 markah, Kumpulan C3 iaitu yang berkemahiran rendah, menunjukkan banyak perubahan dari segi pemarkahan.

Rajah 3 hingga 5 menunjukkan prestasi bagi setiap kelas.


1. C1 merupakan kelas berkemahiran tinggi yang menjalani LC.
2. C2 merupakan kelas berkemahiran sederhana yang dikawal, serta melalui latihan yang tradisional.
3. C3 merupakan kelas yang berkemahiran rendah dan menjalani pelajaran LC.

Rajah 3: Kelas Berkemahiran Tinggi



Kumpulan C1 menunjukkan peningkatan walaupun sedikit setelah menjalani pelajaran LC. Andaian boleh dibuat bahawa murid yang berkemahiran tinggi ini telah cemerlang. Markah pada pascaujian pula konsisten dengan para ujian lantas menunjukkan sedikit perubahan markah. Setelah meneliti penilaian anekdotal yang dilakukan guru, murid-murid lebih vokal dalam menyuarakan pendapat mereka mengenai teks yang dibaca.


Rajah 4: Kelas Berkemahiran Sederhana



◆ = C2 (Markah Praujian), ■ = C2 (Markah Pascaujian)

Bagi Kumpulan C2 pula, walaupun melalui pengajaran tradisional masih menunjukkan hasil yang baik. Namun, guru mendapati bahawa murid lebih cenderung untuk mengecam isi mengikut soalan dan tidak begitu vokal dalam membincangkan isi. Mereka lebih kepada memadankan jawapan daripada mendalami teks yang dibaca.

Rajah 5: Kelas Berkemahiran Lemah



◆ = C3 (Markah Praujian), ■ = C3 (Markah Pascaujian)

Berbanding dengan Kumpulan C1, peningkatan Kumpulan C3 dapat dilihat sebagai kumpulan yang dapat meraih faedah yang banyak melalui pelajaran LC. Prestasi pencapaian Murid bagi pascaujian dalam kumpulan ini sangat baik berbanding dengan keputusan praujian. Menurut penilaian guru, peranan ilustrator dan penyoal telah banyak membantu murid memahami teks dengan lebih mendalam. Murid berkemahiran rendah mula minat untuk menghayati teks yang dibaca dan tidak segan untuk bertanya jika mereka menghadapi masalah. Aktiviti perbincangan telah banyak membantu murid memahami teks yang dibaca dan murid kini lebih yakin apabila berdepan dengan teks bacaan yang baharu.

## Kesimpulan

Murid-murid yang berkemahiran rendah meraih banyak faedah setelah menjalani pelajaran LC dan begitu juga dengan murid yang berkemahiran tinggi. Kaedah LC ini telah menunjukkan keberkesanan yang agak baik walaupun mengambil masa untuk menunjukkan perubahan berbanding dengan latih tubi. Namun murid-murid yang telah menjalani pelajaran LC lebih yakin untuk membincangkan apa yang dibaca berbanding dengan kumpulan yang menjalani latih tubi.

Tujuan kajian ini tercapai kerana kaedah LC dapat meningkatkan kefahaman murid dan menolong murid-murid mengembangkan minat untuk membaca. Kaedah ini juga boleh dijalankan bagi kumpulan murid Darjah 5 dan 6 yang kurang minat membaca dan mempunyai masalah untuk memahami teks yang dibaca.

## Rujukan

Adrienne Gear (2006). *Reading Power: Teaching Students to Think While They Read*. Canada:Pembroke Publishers Limited.

Brown, B.A. (2002). *Literature Circles in action in the middle school classroom*. Georgia College and State University. (ERIC Document Reproduction Service No. ED478458)

CPDD (2008). *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 2008 Darjah 1 Hingga 4*. CPDD, Kementerian Pelajaran Singapura.

Daniel, Harvey (1994). Literature Circles. *Voice and Choice in The Student-centred Classroom*. Stenhouse Publishers. Porland. USA

Hadijah Rahmat (2006). *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Irene Allen & Susan Peery (2000). *Literacy Centers: What Your Other Kids Do During Guided-Reading Groups*. California: Creative Teaching Press.

Nor Raudhah Hj. Siren (2006). *Falsafah Diri Remaja dalam Novel Remaja Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Min-Hsun Chiang dan Chiu-Wen Huang (2005). *The Effectiveness of Literature Circles in EFL setting: A classroom investigation*, Ms. 78-87. Taiwan: Departmart of Foreign Languages and Literature, Tunghai University.

*Instuctional Strategies Online- Literature Circle* dipetik daripada <http://olc.spsd.sk.ca/de/pd/instr/strats/literaturecircles/index.htm> pada 28 Februari 2012.

*Language Acquisition* dipetik daripada [http://en.wikipedia.org/wiki/Language\\_acquisition](http://en.wikipedia.org/wiki/Language_acquisition) pada 28 Februari 2012.

*Literature Circles* dipetik daripada <http://www.literaturecircles.com/article1.htm> pada 28 Februari 2012.

*Literature Circle* dipetik daripada [http://en.wikipedia.org/wiki/Literature\\_circle](http://en.wikipedia.org/wiki/Literature_circle) pada 27 Februari 2012.

*Literacy* dipetik daripada <http://en.wikipedia.org/wiki/Literacy> pada 21 Mac 2012.

*Reading* dipetik daripada [http://en.wikipedia.org/wiki/Reading\\_\(process\)](http://en.wikipedia.org/wiki/Reading_(process)) pada 12 April 2012.

*Rubric for Literature Circle* dipetik daripada [http://eworkshop.on.ca/edu/pdf/Mod37\\_lit\\_circles\\_rubric.pdf](http://eworkshop.on.ca/edu/pdf/Mod37_lit_circles_rubric.pdf) pada 27 Februari 2012.

*The Right Kind of Visualisation* dipetik daripada <http://www.spring.org.uk/2011/03/the-right-kind-of-visualisation.php> pada 16 Februari 2012.

*Visualising- Reading Comprehension* dipetik daripada <http://www.teachervision.fen.com/reading-comprehension/skill-builder/48791.html?page=1> pada 16 Februari 2012.

*What is reading?* dipetik daripada <http://www.readingrockets.org/article/352/> pada 12 April 2012.